

# REKONSTRUKSI FONEM KONSONAN RIO DE PANAGIM PURBA

## *(Reconstruction of the Consonant Phoneme of Proto Rio De Panagim)*

Muhammad Norsyafiq Zaidi\*  
syafiqzaidi95@gmail.com

Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Prince of Songkla University, Songkla 90110, Thailand.

Nur Shahira Mohd Hussni  
shahirahussni09@gmail.com

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Nur Sufiah Azmi  
nursufiahazmi1995@gmail.com

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Nurul Huda Ariffin  
p98444@siswa.ukm.edu.my

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): \*

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Muhammad Norsyafiq Zaidi, Nur Shahira Mohd Hussni, Nur Sufiah Azmi & Nurul Huda Ariffin. (2023). Rekonstruksi fonem konsonan Rio De Panagim Purba. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 1-32. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.16(1)no1)

Peroleh: <i>Received:</i>	13/7/2022	Semakan: <i>Revised</i>	27/10/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	10/11/2021	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/1/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	------------	-----------------------------	------------	--	----------

### Abstrak

Linggi dikatakan terbentuk dalam zahir fonologinya yang tersendiri, memisahkannya dengan varian terhampir, Melaka-Johor. Sebuah kajian linguistik sejarah dilaksanakan di kawasan Kuala Linggi atau juga dikenali dengan nama lainnya

Rio De Panagim untuk melihat sejauh mana fenomena dialek Melayu ini selari. Pengaplikasian teori linguistik sejarahwi strukturalisme di kawasan Melaka Utara ini melibatkan sebanyak lapan buah kawasan tumpuan dalam proses cerapan data. Kaedah yang dimanfaatkan di lapangan mengguna pakai teknik lafaz, rakaman, temu bual, lakonan dan pengajuan gambar. Hasil kajian yang pertama mendapati bentuk purba kuala Linggi (Dialek Melayu Kuala Linggi Purba) ini mempunyai 18 konsonan purba seperti \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*m, \*n, \*ŋ, \*s, \*ɣ, \*h, \*tʃ, \*dʒ, \*l, \*w, \*j. Kedua, sekilas daripada kajian ini menyimpulkan bahawa Kuala Linggi lebih mirip kepada varian Melaka-Johor berbanding dengan varian Linggi-Negeri-Sembilan atas pengekalan ciri Malayik Purba pada suku kata pertama dan suku kata akhir tertutup. Hal ini sekali gus meletakkan Kuala Linggi di bawah cabang varian Melaka-Johor dan sebagai perbatasan penyebaran dialek campuran Linggi. Walau bagaimanapun, andaian ini masih jauh daripada penghabisannya jika sekadar bergantung pada laporan ringkas ini. Atas asbab itu, kajian ini sangat mengesyorkan supaya dapatan ini diperkukuh dengan penyelidikan lanjutan bagi diftong dan vokal Kuala Linggi, sekali gus melengkapkan kajian linguistik sejarah di kawasan terbabit.

Kata kunci: Fonem, fonologi, dialek, Kuala Linggi, linguistik sejarah, rekonstruksi

#### **Abstract**

*The Linggi dialect is reported to have its own phonological structure, distinguishing it from its closest Melaka-Johor-Riau variant. A historical linguistic investigation was done in the Kuala Linggi region, also known as Rio De Panagim, to determine the extent to which this Malay dialectal phenomenon is parallel. The data observation procedure for the application of the historical linguistic theory of structuralism in the North Melaka region involves a total of eight focal areas. The techniques used in the field include dialogue, recording, interview, acting, and the submission of photos. The first finding of this study shows that the ancient form of Kuala Linggi (Proto-Malay dialect of Kuala Linggi) has 18 ancient consonants, namely \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*m, \*n, \*ŋ, \*s, \*ɣ, \*h, \*tʃ, \*dʒ, \*l, \*w, and \*j. Secondly, on the basis of the retention of Proto-Malayic characteristics at the initial syllable and the last closed syllable, this study suggests that the Kuala Linggi dialect is more identical to the Melaka-Johor variant than the Linggi-Negeri-Sembilan variant. This simultaneously positions the Kuala Linggi dialect under the Melaka-Johor variation branch and at the borderline of the Linggi mixed dialect's spread. However, this conclusion is far from convincing based on this small study alone. Therefore, this study strongly suggests that these findings be strengthened by additional research on Kuala Linggi diphthongs and vowels, thereby completing the historical linguistics study of the region.*

*Keywords: Phonemes, phonology, dialect, Kuala Linggi, historical linguistics, reconstruction*

## PENGENALAN

Sebelum imperialisme Barat “bertandang”, Linggi harmoni dengan aktiviti perdagangan. Laluan perdagangan itu menghubungkan Semunjong, Rembau dan Naning (Norhalim, 1998). Terdapat sebatang sungai yang panjang, dikenali sebagai Sungai Linggi. Nama Sungai Linggi diambil sempena kawasan penempatan yang dekat dengannya, yakni Linggi. Sungai Linggi ini juga mempunyai nama lama yang digelar sebagai Sungai Ujong (Abdul Halim, 2005), dan dalam catatan Godinho de Eredia (Lister, 1887) dikenali sebagai Rio Panagim. Nama Sungai Linggi yang dinamakan oleh Eredia (Lister, 1887) sebagai Rio de Panagim dibahaskan oleh Begbie (1834) sebagai nama lama di kawasan tersebut yang dikenali sebagai Kuala Penajih.

Sudah semestinya, sesebuah sungai itu pasti akan ada kualanya. Bahkan, nama kuala tersebut bukan sekadar menempel dalam topografi Linggi, malah menjadi nama sebuah kawasan perkampungan di negeri Melaka. Kuala Linggi berada di bawah pemerintahan Melaka semenjak zaman keagungannya lagi (Norhalim, 1998). Kawasan ini telah didiami oleh orang Melayu kerana adanya sumber hasil laut dan bijih timah.

Orang asing berkunjung dan menetap di tanah ini. Kedatangan Minangkabau dari Sumatera tidak dapat ditentukan secara tepat bilakah garis masanya, namun sebahagian sarjana berpandangan bahawa kawasan penempatan masyarakat ini dibuka pada sekitar abad ke-14 (Zaharah, 1970). Namun begitu, sesetengah pengkaji menganggap pembukaan penempatan di kawasan ini lebih awal dari itu. Pada tahun sekitar 1725 sehingga 1770, masyarakat Bugis mula membuka penempatan di kawasan Sungai Linggi (Wilkinson, 1921). Kedatangan Bugis ke tanah Melayu ini dikhabarkan melalui cerita legenda Baginda Sawerigading yang dianggap sebagai pelayar agung sehingga tertanam minat masyarakat ini untuk melata di bumi Melayu (Samsul, 2006).

Begitulah sedikit gambaran sejarah Kuala Linggi yang disebutkan secara sepintas lalu. Hal yang diharapkan dalam kajian ini adalah untuk mendeskripsikan bentuk fonologi dan ciri pembeza antara ciri dialek ini dengan bentuk Melayu Proto penstrukturan Adelaar (1992). Pendekatan linguistik sejarah dimanfaatkan dalam kajian ini.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Ciri linguistik di kawasan Kuala Linggi menjadi persoalan utama kajian ini. Antara salah satu faktor penyumbang terhadap persoalan makalah ini ialah kebanyakan kajian terdahulu menggariskan persempadanan dialek menggunakan garisan

sempadan politik. Seandainya boleh diunjur pandangan Collins (1999), antara salah satu pandangan yang konservatif adalah apabila garisan sempadan politik menjadi kayu ukur bagi penelitian terdahulu. Latar belakang kajian bahasa Melayu, terutama di Semenanjung, sememangnya begitulah pendekatan dan sudut pandangnya.

Kerja pengelompokan dialek, sekiranya diambil daripada landskap Semenanjung Malaysia (SM) sebahagiannya sarat dengan pendekatan pengelompokan berasaskan kenegerian. Sebagai contoh, Asmah (1977) mendakwa bahawa dialek Semenanjung Malaysia (SM) terbahagi kepada dua kelompok. Kelompok pertama melibatkan dialek Utara seperti Perlis, Pulau Pinang dan Kedah. Kelompok kedua pula terdiri daripada dialek Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Idris, Mohammad Fadzeli & Norsimah (2015) pula mengemukakan tujuh bentuk pengelompokan. Teoh (1994) pula mengelompokkan dialek di SM kepada tiga pengelompokan. Pada masa yang sama, beliau meletakkan dialek Negeri Sembilan ini dalam kelompok yang terpisah daripada kelompok utama, yakni tiga kelompok tadi. Kebanyakan bentuk kajian yang bersifat tradisional ini mempunyai titik pandang yang sama, yakni menggunakan garis sempadan politik untuk menandakan garis sempadan linguistik.

Namun begitu, kajian Ismail (1973) berjaya memberikan gambaran yang boleh mengubah bentuk fikir kajian bersifat konservatif ini tentang garis sempadan politik dan garis sempadan linguistik. Sebagai contoh, Ismail dalam kajian pengelompokan ulungnya berjaya menggambarkan bahawa pemisahan ciri-ciri kebahasaan itu tidak bersandar pada faktor garis sempadan politik. Varian Linggi dan Negeri Sembilan menurutnya mempunyai pengaruh dialek lain. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa pengelompokannya tidak seperti yang digambarkan dalam kajian terdahulu. Menurutny lagi, varian Linggi berkemungkinan mempunyai pengaruh lebih daripada satu dialek. Antara dialek yang dimaksudkan ialah dialek Melaka dan Johor. Perlu diketahui bahawa, Linggi merupakan satu kawasan yang terletak di mukim di Negeri Sembilan. Seandainya dilihat dari segi logik konservatif, semestinya subdialek Linggi ini menuturkan dialek Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, logik ini diterjemahkan bertentangan dalam dapatan Ismail (1973).

Selain membicarakan tentang isu pengelompokan dialek Melayu terutama di kawasan Linggi, ingin juga ditekankan di sini bahawa isu berkaitan dengan cabang genetik dialek di sekitar Linggi belum diusahakan dalam kajian terdahulu. Sekiranya ada, hanya kajian Reniwati (2012) sahaja, namun penelitian beliau mengguna pakai kaedah leksikostatistik yang bertentangan dengan rangka kerja makalah ini, iaitu hanya khusus kepada parameter dialek Negeri Sembilan yang tidak dimaklumkan

lokasi kajiannya. Seperti dalam perenggan sebelumnya, pandangan Reniwati (2012) selari dengan kajian Asmah (2015) Idris *et al.* (2015) dan Teoh (1994).

Kajian ini berusaha untuk mengetengahkan metodologi strukturalisme bagi membolehkan varian ini dilihat dari aspek fonologi dan bentuk purbanya dengan menjadikan Malayik Purba (MP) sebagai kayu ukur. Oleh itu, kajian ini akan memanfaatkan teori dan rangka kerja yang digunakan oleh Crowley (1997) dan Crowley & Bowern (2010). Perihal tatacara rekonstruksi fonem telah disusun dalam bahagian metodologi.

## KAJIAN LITERATUR

Lembaran kajian fonologi dialek Melayu dimulai oleh Ismail (1973). Kajian ini melebarkan pandangan kajian dialek di Malaysia berkaitan ciri fonologi dialek Melayu terutama di kawasan Semenanjung. Kajian ini menggunakan soal selidik yang berfokus kepada penelitian yang ingin diteliti oleh pengkaji sendiri. Beliau berjaya memberi gambaran tentang ciri fonologi dialek Melayu terutama Negeri Sembilan dan Melaka-Johor-Riau yang dipercayai mempunyai begitu besar jurang perbezaannya. Perkara ini disokong hasil penelitian Asmah (1977). Meskipun kedua-dua dialek kanonik ini mempunyai jurang perbezaan penyebutan bagi sesetengah lingkungan fonologi, tetapi jumlah fonemnya masih lagi sama. Walau bagaimanapun, penyebaran fonem berkenaan, (sekiranya mengikut lingkungan kata) adalah saling berbeza.

Mohd Pilus (1978) pernah membincangkan ciri pemendekan kata yang terdapat dalam proses rentetan vokal dalam dialek Negeri Sembilan. Menurutnya, masyarakat penutur ini sering memendekkan bentuk ujaran seperti /pəmalu/ → [pmalu] dan /seekor/ → [sekɔr]. Sedar ataupun tidak, perkara ini hakikatnya adalah lazim dalam kebanyakan dialek Melayu. Hal ini adalah disebabkan bentuk tuturannya itu dalam tempo yang agak laju sehingga terdapat beberapa fonem yang wujud dalam kata itu tidak dizahirkan. Mohd Tarmizi, Rahim dan Shahidi (2014) menegaskan bahawa bentuk tuturan masyarakat penutur itu tidak seketul-seketul seperti yang disangkakan. Pengguguran adalah perkara biasa bagi sesuatu tuturan. Sebahagian masyarakat bercakap dengan pantas dan sebahagian masyarakat bercakap dengan perlahan. Fenomena ini jelas kelihatan di beberapa buah kawasan terutama di kawasan Sungai Jelai (Ajid & Mohd Tarmizi, 2009) dan Sungai Tembeling (Mohd Tarmizi *et al.*, 2013; Nik Safiah & Ton, 1977). Namun begitu, perkara yang perlu diketahui ialah situasi ini langsung tidak mengubah makna tuturan masyarakat di sana.

Asmah (2015) turut membincangkan tentang fonologi dialek Melayu. Skop kali ini lebih meluas sehingga ke kawasan Timur Malaysia. Dialek kanonik di Malaysia, seperti yang dibincangkan dalam tulisan beliau dipasak dengan bab-bab yang tersendiri mengikut garis sempadan politik di Malaysia. Sememangnya, dari satu sudut cara ini bertujuan memberi kemudahan kepada pembaca umum tentang senario dialek di Malaysia, namun perkara ini disangkal oleh Collins (1989, 1999) dengan dakwaan bahawa garis sempadan linguistik dengan garis sempadan politik mendukung fungsi dan makna yang berbeza. Hal ini secara tidak langsung mengaburkan kefahaman umum tentang penyebaran dialek. Beliau mendakwa lagi, salah satu faktor sarjana memandangkan penyebaran dialek dengan sebegitu rupa adalah kerana faktor sejarah persempadanan kuasa politik berdasarkan ciri dialek.

*Just as it was probably a colonial official (namely R.O. Winstedt) who was influential in providing a canon of dialects, it was also colonial officials who, in many cases, provided the state boundaries of modern Malaysia. With very little elaboration, these state boundaries and the areas enclosed by them form the basis of today's Malay dialect canon. (Collins, 1989 hal. 239–240)*

Sekiranya diselidik semula sangkalan ini, maka perkara pertama yang perlu dirujuk semula adalah sejauh mana kajian Ismail (1973) berpegang pada pernyataan Collins (1989, 1999). Meskipun beliau antara yang terawal mengkaji ciri fonologi dialek Melayu yang mungkin dirasakan mempunyai cara pandang isoglos bererti sempadan politik, namun pemerhatian ini tidak tertutup dengan pandangan persempadanan linguistik seperti Asmah (2015). Buktinya, beliau telah mengelompokkan Linggi yang secara politiknya di bawah Negeri Sembilan kepada rantingnya yang tersendiri. Ciri fonologi Linggi tidak seperti dialek Negeri Sembilan yang lebih dekat dengan dialek Minang. Beliau mendakwa bahawa kawasan Linggi kuat dipengaruhi dengan dialek lain seperti dialek Melaka dan Johor. Malangnya, dakwaan ini terhenti setakat pemerian fonologi tanpa dibincangkan dari sudut linguistik sejarawi.

Nurliyana & Adi Yasran (2016) cuba untuk menghuraikan pertindihan pendapat antara para pengamal teori fonologi struktural berkaitan dengan jumlah fonem vokal bagi dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. Kajian ini berhasil membuktikan bahawa bunyi /ə/ wujud bagi kedua-dua dialek. Vokal berkenaan wujud secara jelas dalam dialek Kelantan, namun dalam dialek Negeri Sembilan, pengkaji mendakwa telah berlaku perubahan dari /ə/ → /ɔ/\_. Kajian yang ringkas ini telah membuahkan hasil yang baharu melalui perspektif Fonologi Generatif (FG). Walau bagaimanapun, strategi yang digunakan Nurliyana & Adi Yasran (2016) disangkal oleh hipotesis

Asmah (1977) dengan dakwaan bahawa perubahan fonologi /ə/ → /ɔ/ melanggar aturan pecahan fonemik \*e → /e/, /ə/ dan \*o → /o/, /ɔ/ untuk dialek hemisfera selatan seperti dialek Melaka, Johor dan Negeri Sembilan, contohnya. Hakikatnya, alasan kriteria kebolehamalan yang diguna pakai Nurliayana & Adi Yasran (2016) menampakkan bahawa perubahan yang berlaku dalam fonem vokal bagi dialek di Malaysia bersifat arbitrari dan boleh ditebak berlandaskan kriteria yang pelbagai sedangkan sesuatu perubahan itu perlu ada sebab yang kukuh (Campbell, 2013; Crowley, 1997; Crowley & Bower, 2010).

Kajian Nursuhada *et al.* (2017) melihat fenomena peralihan vokal dalam dialek Melayu Melaka khususnya di kawasan Masjid Tanah. Hasil kajian bahawa vokal tinggi pada suku kata terakhir tertutup akan berlaku perendahan vokal. Sebagai contohnya, vokal /i/ → /e/ dan /u/ → /o/ seperti dalam bahasa Melayu Standard (BMS) [balik] → [balek] dalam dialek Melayu Melaka (DMM). Namun begitu, menariknya dalam kajian ini ialah vokal tengah depan atau belakang pada posisi kedua suku kata pertama akan berubah menjadi vokal tinggi dari /o/ → /u/. Selebihnya dalam kajian ini merupakan refleks kepada dapatan Asmah (1977) berkaitan dengan kelainan pepet (*schwa*) untuk contoh kata BMS [kereta] → [keretə]. Fenomena ini adalah “normal” bagi kelompok dialek selatan seperti dakwaannya. Secara keseluruhan, kajian yang menggunakan pendekatan fonologi struktural ini berjaya merakamkan bentuk-bentuk peralihan vokal dalam DMM. Walau bagaimanapun, atas keterbatasan data dan masa oleh pengkaji di lapangan, satu bukti peninggian vokal dari /o/ → /u/ pada posisi kedua suku kata pertama seperti /boleh/ → /buleh/ memerlukan bukti yang lebih jelas kerana fenomena janggal ini perlu didasari dengan bukti kukuh.

Kajian Idris, Mohammad Fadzeli & Norsimah (2015) memfokuskan bentuk fonologi, morfologi dan sosiolinguistik dialek Negeri Sembilan. Batas kajian ini hanya setakat kawasan Rembau, Negeri Sembilan. Berbeza dengan kajian Nurliayana & Adi Yasran (2016) yang tiada pengkhususan lokasi kajian telah mengkehendapkan kajian ini dengan lebih lagi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa fonem /ə/ tidak dicatat sebagai fonem. Setakat dapatan ini cukup untuk bersetuju dengan kajian Asmah (1977) yang mengatakan bahawa dialek Negeri Sembilan ini tidak (boleh) tergolong dalam kelompok keempat (Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan Perak) dan memerlukan kelompoknya yang tersendiri seperti juga dakwaan Teoh (1994). Alasan Asmah (1977) tidak terbatas pada bukti linguistik, bahkan dari sudut sejarahnya juga menunjukkan bahawa sistem fonologi dialek ini berbeza dengan dialek Melayu di Semenanjung.

Isu berkaitan dengan pemerian ciri fonologi dialek Melayu khususnya Negeri Sembilan dan Melaka sangat menarik sekali. Sebahagian daripada kajian tersebut secara implisit dan eksplisit telah membincangkan tentang pengelompokan dialek Melayu dari aspek fonologi, dan sebahagiannya berat membincangkan tentang vokal dialek negeri ini. Antara yang terawal sudah tentunya kajian Ismail (1973), Asmah (1977) dan (Teoh 1994). Dari perspektif Ismail (1973), dialek Melayu Melaka dikatakan mirip dengan dialek Johor. Perkara ini adalah selari dengan pandangan Asmah (1977) dan Teoh (1994). Penyebaran pengaruh dialek ini dikatakan bertebaran di sepanjang pantai di kawasan Selangor. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan di Melaka mempunyai variannya yang tersendiri seperti di Alor Gajah yang mempunyai pengaruh dialek Negeri Sembilan. Ismail (1973) turut menyatakan secara jelas bahawa Linggi yang pusat politiknya di Negeri Sembilan mempunyai pengaruh dialek Melaka. Walau bagaimanapun, Asmah (1977) dan Teoh (1994) tidak membincangkan Linggi dan Alor Gajah yang mempunyai pengaruh varian asing yang secara jelas bukan dari persempadanan politiknya. Dari sudut ini, secara jelas menunjukkan bahawa penyebaran dialek itu tidak boleh mengguna pakai garis sempadan geopolitik. Cebisan idea dan dapatan pengelompokan dialek Melaka dan Negeri Sembilan oleh Ismail (1973) sedikit sebanyak memberikan gambaran terhadap penyebaran dialek di kawasan Negeri Sembilan dan Melaka.

Salah satu kajian linguistik sejarawi yang pernah dilakukan bagi dialek Negeri Sembilan adalah daripada kajian Reniwati (2012) yang mengguna pakai kaedah leksikostatistik untuk menilai hubungan kekerabatan antara dialek ini dengan dialek Minangkabau, Indonesia. Hasil penelitian mendapati bahawa hubungan dialek Negeri Sembilan dengan dialek Minangkabau adalah sangat rapat. Walau bagaimanapun, perspektif leksikostatistik telah dipersoal oleh kebanyakan sarjana seperti Hoijer (1956), Rahim (1997), Blust (2000), Geisler & List (2009) dan Crowley & Bowern (2010). Seperti yang ditegaskan oleh Collins (1989, 1999), kajian ini turut melakukan hal yang sama seperti Asmah (2015a) dan Nurliayana & Adi Yasran (2016) dengan mengandaikan penyebaran dialek di seluruh Negeri Sembilan itu, sedangkan dari segi praktikal, penyebarannya adalah seperti yang dibincangkan oleh Ismail (1973).

Perbincangan deskriptif dialek Melayu Negeri Sembilan dan Melaka yang beragam dan rencam ini memberi petanda bahawa terdapat pelbagai perkara yang masih belum dileraikan. Asmah (2015), Idris, Mohammad Fadzeli dan Norsimah (2015), Ismail (1973) serta Teoh (1994) sudah membincangkan tentang ciri dan pengelompokan dialek Negeri Sembilan dan Melaka. Secara ringkasnya, Melaka dan Johor mempunyai persamaan yang sangat rapat dari segi jumlah fonem dan



ciri fonologi (Asmah, 1977; Ismail, 1973; Teoh, 1994). Pengaruh Melaka tamat di kawasan Muar apabila pengaruh Johor mula menjadi dominan di sana (Ismail, 1973). Ingin diulang semula bahawa pengaruh Melaka turut tersebar ke negeri lain seperti dalam dakwaan Ismail (1973), *there is no trace or definition of an original Selangorian or a Selangor-type speech, except for some sprinkling of Malacca-type speakers on the coast*.

Perbincangan Ismail (1973) terhadap penyebaran dialek Negeri Sembilan di kawasan Alor Gajah memberikan petanda utama bahawa isoglos atau sempadan linguistik tidak sesekali mirip dengan sempadan politik. Contoh lainnya ialah penyebaran varian Melaka-Johor di kawasan Linggi. Hal ini sekali gus bersetuju dengan pandangan Collins (1989, 1999) terhadap kaedah sarjana untuk menandakan persempadanan dialek.

Setelah meneliti kesemua kajian dialek di kawasan Negeri Sembilan dan Melaka, perkara yang dikenal pasti, iaitu tiada satu kajian pun yang telah mendokumentasikan fenomena kebahasaan di kawasan Kuala Linggi dari sudut linguistik sejarawi. Kawasan ini hakikatnya, banyak peristiwa sejarahnya, bermula dengan sang Melayu membuka tanah sehingga Bugis menjejakkan kaki dan didatangi pula bangsa penjajah dari Eropah. Kawasan ini masih belum diteroka bentuk tuturannya yang diyakini mempunyai kelainannya yang tersendiri. Cukup sahaja hal ini disandarkan pada dapatan Ismail (1973) apabila beliau menyatakan ciri linguistik di kawasan Linggi tidak mirip dengan bahasa Minangkabau (Negeri Sembilan). Kajian ini cuba untuk melakar bentuk linguistik masyarakat di Kuala Linggi dengan menggunakan teori linguistik sejarawi.


## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kepustakaan dimanfaatkan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan. Kaedah ini lebih tertumpu pada bahan sekunder yang ditulis serta dicetak seperti buku, majalah, jurnal, dokumen dan sebagainya. Dengan menggunakan kaedah kepustakaan ini, pengkaji mengetahui serba sedikit maklumat awal serta mendapat gambaran tentang ciri linguistik di kawasan penelitian.

Seterusnya, kaedah kedua digunakan ialah kaedah lapangan yang memerlukan pengkaji turun ke kawasan kajian. Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan isu pengelompokan dialek yang telah dibincangkan sebelumnya, rujuk bahagian permasalahan yang memfokuskan dapatan Ismail (1973). Kedua, berdasarkan

pandangan Collins (1999) bahawa penyebaran bahasa tertua atau tradisional itu bermula antara dua tempat yakni di lembangan sungai dan persisiran pantai. Jika diselidiki sejarah Kuala Linggi dan Sungai Linggi, kawasan ini tidak asing dengan penempatan Melayu lama. Oleh yang demikian, berlandaskan faktor berkenaan, maka sebanyak lapan buah kampung dipilih untuk dijadikan tumpuan kajian. Antara kawasan yang terlibat adalah seperti yang berikut:

1. Kampung Kuala Linggi (KKL)
2. Kampung Nelayan (KN)
3. Kampung Tanjung Serai (KTS)
4. Kampung Bukit Darat (KBD)
5. Kampung Tanjung Dahan (KTD)
6. Kampung Tengah (KT)
7. Kampung Tanjung Agas (KTA)
8. Kampung Sungai Raya (KSR)



**Rajah 1** Kawasan kajian DMKLP.

Seramai lapan orang informan telah ditemu bual. Informan yang ditemu bual ialah penutur natif di kawasan kajian yang mewakili kampung masing-masing. Seorang informan bagi sebuah kampung adalah signifikan sebagai representasi varian yang dikaji (Ayatrohaedi, 1979). Ayatrohaedi (1979) telah menggariskan beberapa kriteria untuk mengambil seseorang informan seperti mestilah mereka yang berusia pertengahan (40–50 tahun), tidak berpendidikan tinggi, natif dan boleh berkomunikasi dengan pengkaji. Muhammad Norsyafiq *et al.* (2021) mengambil indikator natif, sihat dan fitrah sahaja sebagai pemilihan informan. Jadi, dalam kajian ini, informan itu ialah seorang yang berumur pertengahan, penutur natif, memiliki kesihatan dan organ pertuturan yang baik.

Akhir sekali, kajian ini menggunakan satu set kosa kata untuk ditanyakan kepada informan. Kaedahnya, informan akan menyebut kosa kata yang diajukan menggunakan dialek setempat. Beberapa teknik digunakan bagi membantu melancarkan proses cerapan data ini. Antaranya termasuklah teknik rakaman, teknik pengajuan gambar, teknik lakonan dan kaedah lafaz (Asmah, 2015).

## **PENDEKATAN TEORI DAN ANALISIS**

Kajian ini mengguna pakai rangka kerja yang diketengahkan oleh Crowley (1997). Pendekatan ilmu perbandingan bahasa yang telah diutarakan oleh Crowley (1997) lebih mudah dicerap dan sesuai untuk diaplikasikan kerana kerja rekonstruksinya lebih mirip dengan prinsip strukturalisme yang menjadi amalan dalam kajian ini.

Sebelum dilanjutkan tentang teori, terdapat beberapa terminologi yang diguna pakai, antaranya termasuklah bahasa purba, bahasa sekerabat, kata kognat, korespondens bunyi dan refleksi. Bahasa purba merujuk konsep bahasa yang direkonstruksi daripada bahasa sekerabat (Campbell, 2013). Bahasa sekerabat pula merujuk bahasa atau dialek yang dituturkan pada hari ini. Mohd Tarmizi *et al.* (2014) mentafsirkan bahasa sekerabat mempunyai hubungan genetik dengan bahasa purba. Sekiranya diambil daripada definisi Crowley dan Bower (2010) serta Campbell (2013), kedua-dua penulis ini merujuk bahasa sekerabat sebagai bahasa yang boleh didengar dan direkodkan malah boleh dijadikan bahan uji untuk memberi gambaran dan nilai pada bahasa purba.

Terminologi seterusnya berkaitan dengan kata kognat. Menurut Kondrak (2009), penentuan kata kognat adalah secara simbiosis dalam linguistik bandingan. Mohd Tarmizi *et al.* (2014) mentafsirkannya sebagai kata yang mempunyai bunyi dan makna yang sama dengan bahasa yang lain. Penentuan ini boleh dilakukan dengan berasaskan kesepadanan bunyi atau hanya sekadar membezakan bentuk dan maknanya (Crowley, 1997; Crowley & Bower, 2010). Untuk menentukan kesepadanan bunyi pula stesen kerja rekonstruksi dijalankan.

Setelah penapisan kata kognat diusahakan, maka kata-kata tersebut disusun dalam perangkat kesepadanan bunyi untuk proses rekonstruksi fonem purba. Terdapat beberapa garis panduan untuk merekonstruksi fonem purba dan antara prinsip yang diguna pakai adalah seperti dalam Crowley (1997):

1. Bentuk perubahan bahasa purba itu merupakan sesuatu yang boleh diterima akal. Sekiranya berlaku keadaan sedemikian, perlulah didasari dengan bukti yang kukuh.
2. Segala bentuk perubahan seboleh-bolehnya digarap seminimum mungkin antara bahasa proto dengan bahasa sekerabatnya.
3. Proses rekonstruksi perlu mempunyai inventori fonem purba yang seimbang.
4. Sesuatu fonem itu tidak boleh direkonstruksi bentuk purbanya sehinggalah fonem tersebut benar-benar layak untuk dijelmakan dalam bentuk purba.

## REKONSTRUKSI FONEM KONSONAN DIALEK KUALA LINGGI PURBA

Perbandingan dalam Jadual 1 antara lapan varian Kuala Linggi (VKL) menghasilkan 18 konsonan purba yang terdiri daripada bunyi \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*m, \*n, \*ŋ, \*s, \*ʎ, \*h, \*tʃ, \*dʒ, \*l, \*w dan \*j. Yang berikut merupakan inventori fonem konsonan purba bagi dialek Melayu Kuala Linggi purba (DMKLP):

**Jadual 1** Inventori konsonan DMKLP.

	Dua bibir	Gigi gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut	Pita suara
<b>Letupan</b>	*p *b	*t *d		*k *g	
<b>Letusan</b>			*tʃ *dʒ		
<b>Geseran</b>		*s		*ʎ	*h
<b>Sengauan</b>	*m	*n	*ŋ	*ŋ	
<b>Sisian</b>		*l			
<b>Separuh vokal</b>	*w		*j		

### DMKLP \*p

Konsonan letupan bersuara DMKLP \*p diturunkan secara tertib melibatkan semua posisi kata. Jadual 2 memaparkan perbandingan penyebaran konsonan \*p kepada [p] dalam DMKLP pada semua segmen. Rujuk Jadual 2 berikut:

**Jadual 2** Perbandingan kehadiran BMP \*p pada tiga posisi dalam kata.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP (Melayik Purba)</b>	*p-	*-p-	*-p	
<b>KBD</b>	[p-]	[-p-]	[-p]	
<b>KTS</b>	[p-]	[-p-]	[-p]	
<b>KN</b>	[p-]	[-p-]	[-p]	
<b>KKL</b>	[p-]	[-p-]	[-p]	*p-, *-p-, *-p
<b>KTA</b>	[p-]	[-p-]	[-p]	
<b>KSR</b>	[p-]	[-p-]	[-p]	
<b>KT</b>	[p-]	[-p-]	[-p]	
<b>KTD</b>	[p-]	[-p-]	[-p]	

Contoh penyebaran \*p di ketiga-tiga posisi boleh dilihat daripada kepelbagaian bentuk dalam varian DMKLP. Keadaan ini biasa dalam dialek Melayu untuk merekonstruksi bentuk \*p pada posisi yang pelbagai. Daripada jadual dan padanan varian berikut, jelaslah bahawa \*p tidak perlu melalui mana-mana prinsip kerana sememangnya \*p layak untuk direkonstruksi atas dasar majoriti menang (Campbell, 2013).

**DMKLP** \*pəhə “paha”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; pəhə

**DMKLP** \*ipa “ipar”; KBD, KTS, KN, KKL, KT, KTD; ipə, KTA, KSR, ipaw

**DMKLP** \*atap “atap”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; atap

### DMKLP \*b

Konsonan letupan bersuara DMKLP \*b dalam Jadual 3 diturunkan secara teratur pada dua posisi dalam kata, yakni pada posisi awal kata dan tengah kata. Walau bagaimanapun, konsonan ini tidak hadir pada posisi akhir kata. Rujuk Jadual 3 berikut untuk melihat penyebaran \*b pada posisi yang dibincangkan:

**Jadual 3** Penyebaran \*b dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*b-	*-b-	-	
<b>KBD</b>	[b-]	[-b-]	-	
<b>KTS</b>	[b-]	[-b-]	-	
<b>KN</b>	[b-]	[-b-]	-	

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>KKL</b>	[b-]	[-b-]	-	*b-, *-b-
<b>KTA</b>	[b-]	[-b-]	-	
<b>KSR</b>	[b-]	[-b-]	-	
<b>KT</b>	[b-]	[-b-]	-	
<b>KTD</b>	[b-]	[-b-]	-	

Terdapat beberapa varian dalam DMKLP bagi data /bətis/ dan /rambutan/. Penyebaran \*b pada posisi awal berlaku pada morfem purba \*bətes yakni varian yang digunakan di kawasan KBD, KTS, KT, dan KTD. Kawasan KN dan KKL pula mengungkapkan [bətis] dan yang terakhir, kawasan KTA dan KSR menyebut sebagai [bəteh]. Maka, morfem purba ini ditentukan dengan melihat majoriti yang menggunakan sesuatu varian. Penyebaran \*b di tengah kata turut hadir pada morfem purba \*ɣambutan boleh disaksikan dalam varian DMKLP seperti contoh di bawah:

**DMKLP \*bətis** “betis”; KBD, KTS, KT, KTD; bətes, KN, KKL; bətis, KTA, KSR; bəteh

**DMKLP \*ɣambutan** “rambutan”; KN, KKL, KTA, KSR; ɣambutan, KT, KTD; rambut

### DMKLP \*t

Konsonan letupan tidak bersuara gigi gusi ini menyerlah pada ketiga-tiga posisi dalam kata. Hal ini boleh dijelaskan apabila \*t menjadi [t] dalam DMKLP. Penyebaran \*t boleh dirujuk dalam Jadual 4 berikut:

**Jadual 4** Penyebaran fonem \*t dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*t-	*-t-	*-t	
<b>KBD</b>	[t-]	[-t-]	[-t]	
<b>KTS</b>	[t-]	[-t-]	[-t]	
<b>KN</b>	[t-]	[-t-]	[-t]	
<b>KKL</b>	[t-]	[-t-]	[-t]	*t-, *-t-, *-t
<b>KTA</b>	[t-]	[-t-]	[-t]	
<b>KSR</b>	[t-]	[-t-]	[-t]	
<b>KT</b>	[t-]	[-t-]	[-t]	
<b>KTD</b>	[t-]	[-t-]	[-t]	

Penyebaran \*t dalam varian DMKLP memperlihatkan berlakunya penurunan secara langsung pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Konsonan \*t dalam Jadual 4 yang berada pada posisi akhir kata turun secara langsung dalam semua varian DMKLP, iaitu \*kupnet. Penyebaran konsonan ini pada posisi awal terbahagi kepada tiga varian dan posisi tengah kata pula melibatkan dua varian seperti contoh yang berikut:

**DMKLP** \*tayik “tarik”; KBD, KTS; tare?, KN, KKL; tayi?, KTA, KSR, KT, KTD; taye?

**DMKLP** \*utaj “hutang”; KBD, KTS, KN, KKL, KT, KTD; utaj, KTA, KSR; hutaj

**DMKLP** \*kupnit “kunyit”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; kupnet

### DMKLP \*d

Analisis dalam Jadual 5 menunjukkan BMP \*d tidak hadir pada posisi akhir kata dalam DMKLP. Walau bagaimanapun, dua posisi, iaitu di awal dan tengah kata, \*d hadir sebagai [d] dalam varian DMKLP.

**Jadual 5** Penyebaran \*d dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*d-	*-d-	-	
<b>KBD</b>	[d-]	[-d-]	-	
<b>KTS</b>	[d-]	[-d-]	-	
<b>KN</b>	[d-]	[-d-]	-	
<b>KKL</b>	[d-]	[-d-]	-	*d-, *-d-
<b>KTA</b>	[d-]	[-d-]	-	
<b>KSR</b>	[d-]	[-d-]	-	
<b>KT</b>	[d-]	[-d-]	-	
<b>KTD</b>	[d-]	[-d-]	-	

Pada posisi akhir kata, penyebaran konsonan \*d ini tidak wujud dalam DMKLP. Namun begitu, konsonan ini hadir pada posisi awal dan tengah kata yakni kedua-dua posisi ini mengekalkan \*d dalam semua varian yang terlibat. Malah kedua-dua posisi ini diturunkan secara teratur dan tersusun agar membentuk fonem purba bagi konsonan letupan \*d. Contoh penyebaran dalam varian DMKLP adalah seperti yang berikut:

**DMKLP** \*duyijan “durian”; KBD, KTS; dəyijan, KN, KKL; duyian, KTA, KT, KTD; duyijan, KSR; durijan

**DMKLP \*idup** “hidup”; KBD, KTS, KTA, KSR; hidop, KN, KKL; idup, KT, KTD; idop

**DMKLP \*k**

Penyebaran fonem konsonan letupan lelangit lembut tidak bersuara \*k DMKLP adalah pada semua segmen yakni di awal kata, tengah kata dan akhir kata. Meskipun bunyi glotal mewakili \*k di segmen akhir suku kata tertutup, namun standardisasinya tidak setara dengan bunyi \*k yang bersifat autonom. Bunyi [-ʔ] ini sebaliknya hanya mewakili \*k pada posisi akhir kata. Tarafnya yang bersifat alofon tidak melayakkannya diangkat sebagai fonem purba.

Jadual 6 menunjukkan penyebaran fonem konsonan DMKLP \*k pada dua posisi kata yakni pada posisi awal dan tengah kata. Walau bagaimanapun, dalam dua contoh letupan tidak bersuara sebelum ini, BMP \*k merupakan salah satu fonem konsonan purba yang tidak hadir pada posisi akhir kata. Rujuk Jadual 6 berikut:

**Jadual 6** Perbandingan \*k dalam DMKLP yang hadir pada posisi awal dan tengah kata.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*k-	*-k-	*-k	
<b>KBD</b>	[k-]	[-k-]	[-k]	
<b>KTS</b>	[k-]	[-k-]	[-k]	
<b>KN</b>	[k-]	[-k-]	[-k]	
<b>KKL</b>	[k-]	[-k-]	[-k]	*k-, *-k-, *-k
<b>KTA</b>	[k-]	[-k-]	[-k]	
<b>KSR</b>	[k-]	[-k-]	[-k]	
<b>KT</b>	[k-]	[-k-]	[-k]	
<b>KTD</b>	[k-]	[-k-]	[-k]	

**DMKLP \*kuniŋ** “kuning”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KT, KTD; kuniŋ, KTA; kuniŋ, KSR; kunin

**DMKLP \*siku** “seekor”; KBD, KTS; seko, KN, KKL; seko, KTA, KT, KTD; seko, KSR; seko

**DMKLP \*anak** “anak”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KT, KTD dan KTA; ana?

Seandainya diperhatikan dengan lebih dekat VKL ini, sudah tentu kita akan mendapati bahawa terdapat satu konsonan yang tidak direkonstruksikan. Sememangnya bunyi hentian glotal ini wujud pada beberapa varian, namun seperti dalam perbincangan Mohd Tarmizi, Rahim Aman dan Shahidi (2011, 2014) serta Collins (1983), status bunyi ini hanyalah bersifat alofon kepada fonem /k/. Hanya



dialek Melayu Jakun dan dialek Melayu Tioman sahaja yang mempunyai bunyi hentian glotal yang bertaraf fonemik (Collins, 1985a, 1985b). Asmah (1977) turut senada dengan pengkaji lain. Beliau menyatakan bahawa bunyi hentian glotal itu hanya alofonik kepada /k/ dan wujud dalam bentuk kata pinjaman sahaja.

Konsonan plosif velar tak bersuara /k/ tidak berlaku dalam lingkungan akhir kata dalam dialek Melayu, kecuali dialek Melayu Sarawak. Dalam bahasa standard, konsonan /k/ menempati lingkungan akhir kata hanya dalam kata pinjaman seperti “bank” /benk/. (Asmah, 1977:7)

Walau bagaimanapun, dalam kerja rekonstruksi, kata yang dipinjam daripada kelompok bahasa cabangan lain perlu disingkirkan kerana kata tersebut tidak melambangkan kehadiran kata itu daripada tunjang keluarga yang sama. Bentuk sebutan dan ejaannya mungkin terlalu berbeza dengan dialek Austronesia. Tambahan pula, contoh perkataan “bank” yang diutarakan Asmah (1977) ialah pinjaman bahasa Inggeris yang perlu untuk disisihkan terlebih dahulu sebelum kerja rekonstruksi dijalankan.

### DMKLP \*g

Penyebaran konsonan DMKLP \*g menyerupai bentuk DMKLP \*k. Hal ini dapat ditentukan melalui kehadiran fonem konsonan ini yang hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata. Walau bagaimanapun, pada segmen akhir, fonem ini tidak ditemui padanannya yang bersesuaian kerana seperti dalam bahasa Melayu, fonem plosif langit lembut bersuara sememangnya sekadar bayangan kepada bentuk daripada kata pinjaman.

Jadual 7 berikut menunjukkan dua posisi yang memperlihatkan kehadiran fonem konsonan letupan langit lembut bersuara DMKLP \*g pada posisi awal kata dan tengah kata. Walau bagaimanapun, tiada tanda kehadiran \*g di akhir kata dalam DMKLP.

**Jadual 7** Perbandingan kehadiran \*g pada tiga posisi kata.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*g-	*-g-	-	
<b>KBD</b>	[g-]	[-g-]	-	
<b>KTS</b>	[g-]	[-g-]	-	
<b>KN</b>	[g-]	[-g-]	-	
<b>KKL</b>	[g-]	[-g-]	-	*g-, *-g-
<b>KTA</b>	[g-]	[-g-]	-	
<b>KSR</b>	[g-]	[-g-]	-	
<b>KT</b>	[g-]	[-g-]	-	
<b>KTD</b>	[g-]	[-g-]	-	

Penyebaran \*g dalam DMKLP menghasilkan morfem purba \*guyoh dan \*yugi setelah melakukan perangkat kesepadanan. Dengan kewujudan konsonan pada kedua-dua posisi ini didapati bahawa bunyi \*g tidak mengalami perubahan fonetik pada mana-mana varian dan diturunkan secara tersusun.

**DMKLP** \*guyuh “guruh”; KBD, KTS, KT, KTD; guroh, KN, KKL, KTA; guyoh, KSR; guyoh

**DMKLP** \*yugi “rugi”; KBD, KTS, KN, KKL, KSR; yugi, KT, KTD; rugu

### DMKLP \*m

Fonem konsonan sengauan bibir dalam Jadual 8 hadir DMKLP \*m yang direalisasikan sebagai /m/. Kehadiran \*m ini adalah pada semua posisi kata, yakni di awal, tengah dan akhir kata. Daripada analisis yang dilakukan, kajian ini mendapati bahawa pengaruh \*m adalah di semua tempat dan tidak mengalami perubahan bentuk fonetik.

Jadual di bawah menunjukkan pengaruh BMP \*m yang begitu kuat. Penyataan ini diperkukuh oleh Jadual 8 di bawah:

**Jadual 8** Penyebaran BMP \*m pada tiga posisi dan di semua kawasan penutur.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*m-	*-m-	*-m	
<b>KBD</b>	[m-]	[-m-]	[-m]	
<b>KTS</b>	[m-]	[-m-]	[-m]	
<b>KN</b>	[m-]	[-m-]	[-m]	
<b>KKL</b>	[m-]	[-m-]	[-m]	*m-, *-m-, *-m
<b>KTA</b>	[m-]	[-m-]	[-m]	
<b>KSR</b>	[m-]	[-m-]	[-m]	
<b>KT</b>	[m-]	[-m-]	[-m]	
<b>KTD</b>	[m-]	[-m-]	[-m]	

Kewujudan konsonan \*m dalam DMKLP ini memperlihatkannya diturunkan secara tersusun dan tidak mengubah mana-mana kedudukan dalam varian tersebut. Konsonan ini juga wujud pada ketiga-tiga posisi, iaitu awal, tengah dan akhir kata seperti yang berikut:

**DMKLP** \*matahayu “matahari”; KBD, KTS; matayi, KN, KKL, KSR; matahayu, KKL, KT, KTD; matahari

**DMKLP** \*pəmpuwan’ “perempuan”; KBD, KTS; pompuan, KN, KKL; pəmpoan, KTA; pəyəmpuwan, KSR; pərəmpuwan, KT, KTD; prəmpuwan

**DMKLP** \*təŋgəlam “tenggəlam”; KBD, KTS; təŋgəlam, KTA, KSR; təŋglam, KN, KKL, KT, KTD; təŋgəlam

### DMKLP \*n

Penyebaran DMKLP \*n sebagai /n/ dalam Jadual 9 sama seperti DMKLP \*m apabila kedua-duanya hadir pada tiga posisi kata dan juga hadir di semua kawasan penelitian. Jadual di bawah menunjukkan pengaruh \*n pada tiga posisi kata. Pengkaji menanggapi bahawa \*m dan \*n sememangnya fonem konsonan sengauan yang autonom. Hal ini dapat diperkukuh dengan dapatan di bawah:

**Jadual 9** Penyebaran BMP \*n pada semua posisi kata.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*n-	*-n-	*-n	
<b>KBD</b>	[n-]	[-n-]	[-n]	
<b>KTS</b>	[n-]	[-n-]	[-n]	
<b>KN</b>	[n-]	[-n-]	[-n]	
<b>KKL</b>	[n-]	[-n-]	[-n]	*n-, *-n-, *-n
<b>KTA</b>	[n-]	[-n-]	[-n]	
<b>KSR</b>	[n-]	[-n-]	[-n]	
<b>KT</b>	[n-]	[-n-]	[-n]	
<b>KTD</b>	[n-]	[-n-]	[-n]	

Penyebaran konsonan \*n hadir pada semua posisi, iaitu awal, tengah dan akhir kata, sekali gus konsonan ini diturunkan secara teratur dalam semua varian DMKLP. Bunyi nasal ini wujud tanpa sebarang perubahan fonetik. Perangkat kesepadanan dilakukan bagi menentukan morfem purba \*nipes, \*bəyənəŋ, dan \*duyijan seperti contoh yang berikut:

**DMKLP** \*nipsis “nipsis”; KBD, KTS; nipsis, KN, KKL, KT, KTD; nipes, KTA, KSR; nipeh

**DMKLP** \*bəyənəŋ “berenang”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; bəyənəŋ

**DMKLP** \*duyijan “durian”; KBD, KTS; dəyijan, KN, KKL; duyian, KTA, KT, KTD; duyijan, KSR; durijan

### DMKLP \*ɲ

Penyebaran fonem konsonan sengauan lelangit keras \*ɲ dapat dilihat pengaruhnya pada dua posisi kata yakni di awal kata dan di tengah kata. Pengaruh \*ɲ pada dua posisi ini adalah sangat dominan sehinggakan semua kawasan penelitian masih menggunakan fonem ini dalam posisi kata yang telah dinyatakan. Meskipun begitu, kehadiran \*ɲ di akhir kata adalah suatu perkara yang tidak akan tercatat dalam DMKLP. Jadual 10 di bawah menunjukkan pengaruh \*ɲ pada posisi awal dan tengah kata. Malangnya, kehadiran \*ɲ di akhir kata adalah sangat mustahil. Pengakuan ini bersandarkan dapatan di bawah:

**Jadual 10** Penyebaran fonem \*ɲ dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*ɲ-	*-ɲ-	-	
<b>KBD</b>	[ɲ-]	[-ɲ-]	-	
<b>KTS</b>	[ɲ-]	[-ɲ-]	-	
<b>KN</b>	[ɲ-]	[-ɲ-]	-	
<b>KKL</b>	[ɲ-]	[-ɲ-]	-	*ɲ-, *-ɲ-
<b>KTA</b>	[ɲ-]	[-ɲ-]	-	
<b>KSR</b>	[ɲ-]	[-ɲ-]	-	
<b>KT</b>	[ɲ-]	[-ɲ-]	-	
<b>KTD</b>	[ɲ-]	[-ɲ-]	-	

Fonem purba \*ɲ hanya hadir dalam dua posisi bagi DMKLP. Hal ini ditentukan apabila penyebaran konsonan sengauan lelangit keras paling banyak wujud dalam sesuatu varian. Contoh di bawah menunjukkan kedua-dua data diungkapkan secara seragam dalam DMKLP yakni morfem purba \*ɲamok dan \*kujet. Penyebarannya adalah seperti yang berikut:

**DMKLP** \*ɲamok “nyamuk”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; ɲamoʔ

**DMKLP** \*kujet “kunyit”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; kujet

### DMKLP \*ŋ

Penyebaran DMKLP \*ŋ pada dua posisi, yakni posisi tengah dan akhir kata, adalah bersifat sekata di semua kawasan penelitian. Hal ini, walau bagaimanapun, tidak menampakkan pengaruh \*ŋ pada posisi awal kata. Hal ini diperkukuh dengan struktur di bawah:

Jadual 11 di bawah membentuk satu pola terutama dalam hal membandingkan antara \*ŋ dan \*ɲ. DMKLP \*ŋ dilihat hanya berpengaruh pada posisi tengah dan akhir kata, tetapi BMP \*ɲ adalah di awal dan tengah kata. Hal ini menunjukkan sememangnya kedua-dua fonem tersebut berbeza status kehadirannya dan sangatlah bersandar pada posisi kata. Jadual di bawah adalah sebagai penguat kepada tanggapan ini:

**Jadual 11** Penyebaran BMP \*ŋ di tengah dan akhir kata dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*-ŋ	*-ŋ-	*-ŋ	
<b>KBD</b>	[-ŋ]	[-ŋ-]	[-ŋ]	
<b>KTS</b>	[-ŋ]	[-ŋ-]	[-ŋ]	
<b>KN</b>	[-ŋ]	[-ŋ-]	[-ŋ]	
<b>KKL</b>	[-ŋ]	[-ŋ-]	[-ŋ]	*ŋ-, *-ŋ-, *-ŋ
<b>KTA</b>	[-ŋ]	[-ŋ-]	[-ŋ]	
<b>KSR</b>	[-ŋ]	[-ŋ-]	[-ŋ]	
<b>KT</b>	[-ŋ]	[-ŋ-]	[-ŋ]	
<b>KTD</b>	[-ŋ]	[-ŋ-]	[-ŋ]	

Penyebaran konsonan \*ŋ hadir pada semua posisi dalam varian DMKLP. Penyebaran pada posisi awal kata, iaitu \*ŋaŋa telah diungkapkan secara seragam dalam DMKLP. Posisi tengah dan akhir kata pula dibahagikan kepada beberapa varian dan akhir sekali membentuk morfem purba seperti contoh di bawah yakni \*maŋges dan \*utaŋ.

**DMKLP** \*ŋaŋa “nganga”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; ŋaŋa

**DMKLP** \*maŋgis “manggis”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KT, KTD; maŋges, KSR; maŋgeh

**DMKLP** \*utaŋ “hutang”; KBD, KTS, KN, KKL, KT, KTD; utaŋ, KTA, KSR; hutaŋ

### DMKLP \*s

Semua varian DMKLP mengekalkan konsonan frikatif gigi gusi MP \*s pada ketiga-tiga posisi secara teratur, iaitu posisi awal kata, tengah kata dan akhir kata. Contoh data adalah seperti dalam Jadual 12 yang memaparkan perbandingan penyebaran konsonan frikatif \*s.

**Jadual 12** Perbandingan penyebaran konsonan frikatif gigi-gusi \*s dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*s-	*-s-	*-s	
<b>KBD</b>	[s-]	[-s-]	[-s]	
<b>KTS</b>	[s-]	[-s-]	[-s]	
<b>KN</b>	[s-]	[-s-]	[-s]	
<b>KKL</b>	[s-]	[-s-]	[-s]	*s-, *-s-, *-s
<b>KTA</b>	[s-]	[-s-]	[-s]	
<b>KSR</b>	[s-]	[-s-]	[-s]	
<b>KT</b>	[s-]	[-s-]	[-s]	
<b>KTD</b>	[s-]	[-s-]	[-s]	

Penyebaran dalam varian DMKL bagi fonem konsonan geseran \*s ini boleh diterjemahkan dalam ringkasan di bawah:

**DMKLP** \*simpul “simpul”; KBD, KTS, KN, KKL, KSR; simpol, KTA; simpul

**DMKLP** \*bisuk “esok”; KBD, KTS, KT, KTD; beso?, KN, KKL, KTA; eso?

**DMKLP** \*ayus “arus”; KBD, KTS, KSR; arus, KN, KKL, KTA; ayus

### DMKLP \*y

Bunyi frikatif lelangit lembut, iaitu bunyi \*y juga turut wujud dalam semua varian yang terdapat dalam DMKLP. Bunyi ini juga wujud pada kedudukan di posisi awal kata dan akhir tengah kata serta posisi akhir kata tidak wujud dalam DMKLP. Namun begitu, posisi awal kata menunjukkan bahawa hanya varian KTA sahaja yang tidak wujud bunyi konsonan ini. Varian-varian lain wujud bunyi tersebut pada posisi tersebut. Selain itu, bunyi konsonan \*y juga tidak hadir dalam varian KT dan KTD pada posisi tengah kata.

**Jadual 13** Perbandingan penyebaran konsonan frikatif lelangit lembut \*y dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*y-	*-y-	-	
<b>KBD</b>	[y-]	[-y-]	-	
<b>KTS</b>	[y-]	[-y-]	-	
<b>KN</b>	[y-]	[-y-]	-	
<b>KKL</b>	[y-]	[-y-]	-	*y-, *-y-

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>KTA</b>	[ɣ-]	[-ɣ-]	-	
<b>KSR</b>	[ɣ-]	[-ɣ-]	-	
<b>KT</b>	[ɣ-] & [r-]	[ɣ-] & [r-]	-	
<b>KTD</b>	[ɣ-] & [r-]	[ɣ-] & [r-]	-	

Seperti dalam Jadual 13, fonem purba \*ɣ tidak wujud pada posisi akhir kata. Bagi posisi tengah kata, varian KT dan KTD merujuk bentuk alofonik [r] menggantikan bunyi purba geseran velar bersuara. Atas dasar alofonik tersebut, maka penelitian terhadapnya disingkatkan kerana sifat alofonik [r] tidak menggambarkan bentuk purba yang asli. Oleh yang demikian, penyebaran dalam varian DMKLP adalah seperti yang berikut:

**DMKLP \*ɣadʒin** “rajin”; KBD, KTS, KSR, KT, KTD; ɣadʒen, KN, KKL; ɣadʒin, KTA; radʒen

**DMKLP \*ayi** “hari”; KBD, KTS, KN, KKL; ayi, KTA, KSR; hayi, KT, KTD; ari

#### DMKLP \*h

Bunyi frikatif pita suara \*h juga turut hadir dalam DMKLP. Bunyi ini wujud pada semua posisi, iaitu awal kata, tengah kata dan akhir kata. Pada posisi awal kata, bunyi konsonan ini tidak wujud dalam varian KBD dan KTS. Bagi posisi tengah dan akhir kata pula, bunyi ini wujud dalam semua varian.

**Jadual 14** Perbandingan penyebaran konsonan frikatif pita suara \*h dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*h-	*-h-	*-h	
<b>KBD</b>	-	[-h-]	[-h]	
<b>KTS</b>	-	[-h-]	[-h]	
<b>KN</b>	-	[-h-]	[-h]	
<b>KKL</b>	-	[-h-]	[-h]	∅, *-h-, *-h
<b>KTA</b>	[h-]	[-h-]	[-h]	
<b>KSR</b>	[h-]	[-h-]	[-h]	
<b>KT</b>	-	[-h-]	[-h]	
<b>KTD</b>	-	[-h-]	[-h]	

Penyebaran \*h dalam DMKLP boleh diterjemahkan dalam Jadual 14. Seperti yang diperhatikan, terdapat dua varian yang menzahirkan bentuk \*h pada posisi awal kata. Namun begitu, hal ini terjadi disebabkan oleh kehalatujuan (*directionality*, (Campbell, 2013)) yang biasa terjadi pada bahasa di dunia. Kehalatangan ini bermaksud sesuatu perubahan itu mestilah boleh diterima. Dalam konteks ini, barangkali \*h pada posisi awal kata sememangnya tidak wujud ataupun  $h > \emptyset$  dalam proses evolusi bahasa. Namun begitu, kajian ini merekonstruksikan  $\emptyset$  pada posisi tersebut kerana bukti yang mengatakan [h] sebagai fonemik di awal kata memerlukan bukti yang sewajarnya. Keadaan ini juga berlaku di kawasan lain seperti Hulu Pahang Purba (Mohd Tarmizi *et al.*, 2014)

**DMKLP \*ayi** “hari”; KN, KKL, KBD, KTS, KT, KTD; ayi, KTA, KSR; hayi

**DMKLP \*pəhə** “paha”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; pəhə

**DMKLP \*tanah** “tanah”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; tanah

### DMKLP \*tʃ

Konsonan letusan lelangit keras tidak bersuara diturunkan secara teratur pada dua posisi dalam kata, yakni pada posisi awal kata dan tengah kata. Namun begitu, konsonan ini tidak hadir pada posisi akhir kata seperti dalam catatan Adelaar tentang Malayik Purba (1992).

**Jadual 15** Penyebaran fonem di awal dan tengah kata.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*tʃ-	*-tʃ-	∅	
<b>KBD</b>	[tʃ-]	[-tʃ-]	-	
<b>KTS</b>	[tʃ-]	[-tʃ-]	-	
<b>KN</b>	[tʃ-]	[-tʃ-]	-	
<b>KKL</b>	[tʃ-]	[-tʃ-]	-	*tʃ-, *-tʃ-
<b>KTA</b>	[tʃ-]	[-tʃ-]	-	
<b>KSR</b>	[tʃ-]	[-tʃ-]	-	
<b>KT</b>	[tʃ-]	[-tʃ-]	-	
<b>KTD</b>	[tʃ-]	[-tʃ-]	-	

Sekiranya diperhatikan dalam Jadual 15 di atas, kita akan dapati bahawa /tʃ/ di akhir kata tidak dizahirkan dalam apa-apa bentuk atau daripada mana-mana leksikal dalam varian DMKLP. Fenomena ini adalah normal dalam varian Malayik Purba (Adelaar,



1992) seperti bunyi /-b/, /-d/ dan /-g/ untuk tidak memiliki bunyi tersebut di akhir kata. Maka, penyebarannya adalah seperti yang berikut:

**DMKLP** \*tʃaŋkul “cangkul”; KBD, KTS, KTA, KSR, KT, KTD; tʃaŋkol, KN, KKL; tʃaŋkol

**DMKLP** \*kutʃiŋ “kucing”; KBD, KTS, KTA, KSR, KT, KTD; kutʃeŋ, KN, KKL; kutʃiŋ

### DMKLP \*dʒ

Konsonan letusan langit keras tidak bersuara ini hanya wujud pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Walau bagaimanapun, konsonan ini tidak hadir pada posisi akhir kata dalam DMKLP.

**Jadual 16** Penyebaran \*dʒ di dua tempat.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*dʒ-	*-dʒ-	-	
<b>KBD</b>	[dʒ-]	[-dʒ-]	-	
<b>KTS</b>	[dʒ-]	[-dʒ-]	-	
<b>KN</b>	[dʒ-]	[-dʒ-]	-	
<b>KKL</b>	[dʒ-]	[-dʒ-]	-	*dʒ-, *-dʒ-
<b>KTA</b>	[dʒ-]	[-dʒ-]	-	
<b>KSR</b>	[dʒ-]	[-dʒ-]	-	
<b>KT</b>	[dʒ-]	[-dʒ-]	-	
<b>KTD</b>	[dʒ-]	[-dʒ-]	-	

Seperti isu dalam /tʃ/, begitu jugalah yang berlaku dalam penyebaran bunyi /dʒ/ pada posisi akhir kata. Hal ini disebabkan oleh isolek ini sememangnya tidak memiliki bunyi ini pada posisi akhir. Atas dasar itu, penyebarannya itu boleh diterjemahkan dalam bentuk di bawah berdasarkan taburannya dalam Jadual 16.

**DMKLP** \*dʒait “jahit”; KBD, KTS, KT, KTD; dʒaet, KN, KKL; dʒahit, KSA, KSR; dʒait

**DMKLP** \*ʎadʒin “rajin” KBD, KTS, KSR, KT, KTD; ʎadʒen, KN, KKL; ʎadʒin, KTA; radʒin

**DMKLP \*l**

Bunyi konsonan lateral gigi gusi bersuara DMKLP \*l diturunkan secara tertib melibatkan semua posisi kata. Rujuk Jadual 17:

**Jadual 17** Penyebaran BMP \*l pada semua posisi kata.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	*l-	*-l-	*-l	
<b>KBD</b>	[l-]	[-l-]	[-l]	
<b>KTS</b>	[l-]	[-l-]	[-l]	
<b>KN</b>	[l-]	[-l-]	[-l]	
<b>KKL</b>	[l-]	[-l-]	[-l]	*l-, *-l-, *-l
<b>KTA</b>	[l-]	[-l-]	[-l]	
<b>KSR</b>	[l-]	[-l-]	[-l]	
<b>KT</b>	[l-]	[-l-]	[-l]	
<b>KTD</b>	[l-]	[-l-]	[-l]	

Pengkaji mendapati bahawa bunyi likuida /l/ wujud pada semua posisi. Atas asbab berkenaan, maka fonem ini direkonstruksikan sebagai \*l dan penyebarannya dalam varian DMKLP adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

**DMKLP \*lutut** “lutut”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; lutot

**DMKLP \*ulu** “hulu”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR; ulu, KT, KTD; kulu

**DMKLP \*bakul** “bakul”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; bakol

**DMKLP \*w**

Dapatan dalam Jadual 18 menunjukkan bunyi konsonan separuh vokal \*w dalam DMKLP hanya wujud pada posisi di tengah kata sahaja. Bunyi \*w direalisasikan pada semua varian DMKLP pada posisi tengah kata yang dapat dilihat pada kata “dua” dalam bahasa Melayu standard (BMS) yang muncul sebagai [duwə]. Walau bagaimanapun, kewujudan \*w pada akhir posisi bersifat unik dalam varian ini apabila perkataan yang monoftong mengalami pendiftongisian apabila kata BMS-nya itu berakhir dengan rangkap /-ar/ -> /-aw/ bagi varian KTA dan KSR.

Seperti dalam kajian (Mohd Tarmizi *et al.*, 2014) dan kajian dialek Melayu yang lain, terutama yang mengkaji dalam bidang linguistik bandingan, kajian ini mendapati bahawa bunyi geluncuran /w/ tidak wujud pada posisi awal kata. Untuk memberikan justifikasi bahawa kewujudan [w] pada posisi awalan adalah mustahil; kebanyakan

**Jadual 18** Penyebaran \*w dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	-	*-w-	-	
<b>KBD</b>	-	[-w-]	-	
<b>KTS</b>	-	[-w-]	-	
<b>KN</b>	-	[-w-]	-	
<b>KKL</b>	-	[-w-]	-	*-w-
<b>KTA</b>	-	[-w-]	-	
<b>KSR</b>	-	[-w-]	-	
<b>KT</b>	-	[-w-]	-	
<b>KTD</b>	-	[-w-]	-	

leksikal bahasa Melayu yang dimulai dengan bunyi tersebut kebanyakannya adalah dalam bentuk pinjaman misalnya, “waktu”, “wasiat”, “wadah” dan sebagainya. Penyebaran seterusnya boleh dirumuskan dalam bentuk yang berikut:

**DMKLP** \*duwə “dua”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; duwə

### **DMKLP \*j**

Berdasarkan Jadual 19, konsonan separuh vokal \*j dalam DMKLP refleksi bentuk MP. Posisi tengah kata tertib dimanfaatkan di semua varian seperti dalam kata [ajam], [baja], [bjawa?] dan sebagainya. Bahkan, kehadiran DMKLP \*j wujud dalam dua cara, yakni dalam kombinasi a\_a dan a\_ ə. Untuk maklumat lengkap berkaitan dengan fonem ini, rujuk Jadual 19.

Keadaan fonem /j/ ini semacam sama dengan bunyi /w/ terutama dalam konteks awalan. Seperti bunyi purba \*w, konsonan ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda kewujudannya pada posisi awalan seperti yang ditekankan oleh Adelaar (1992) “... as a rule, semivowels do not occur initially in the inherited vocabulary of the isolects at hand ...” atas asbab yang dimaklumi sebelumnya. Ketiadaan bukti ini memaksa kajian merekonstruksi hanya bentuk \*j pada posisi tengah sahaja. Penyebaran tersebut boleh dilihat dalam ringkasan di bawah:

**DMKLP** \*ajam “ayam”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; ajam

**DMKLP** \*baja “bayar”; KBD, KTS, KTA, KSR; baja KN, KKL, KT, KTD; bajo

**Jadual 19** Penyebaran \*j dalam DMKLP.

	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	Rekonstruksi
<b>MP</b>	-	*-j-	-	
<b>KBD</b>	-	[-j-]	-	
<b>KTS</b>	-	[-j-]	-	
<b>KN</b>	-	[-j-]	-	
<b>KKL</b>	-	[-j-]	-	*-j-
<b>KTA</b>	-	[-j-]	-	
<b>KSR</b>	-	[-j-]	-	
<b>KT</b>	-	[-j-]	-	
<b>KTD</b>	-	[-j-]	-	

**DMKLP** \*bwajə “buaya”; KBD, KTS, KTA, KSR, KT, KTD; bwajə KN, KKL; bojə

**DMKLP** \*sajə “saya”; KBD, KTS, KN, KKL, KTA, KSR, KT, KTD; sajə

## PERBINCANGAN

Tiada unsur di luar jangkauan bagi konsonan geseran melainkan bunyi getaran gigi gusi MP \*r yang berubah sepenuhnya kepada DMKLP \*ɣ. Konsonan \*r jelas kelihatan apabila DMKLP mencatatkan taburan bunyi ini pada dua posisi dan meninggalkan secara total pada bahagian akhir suku kata tertutup. Namun begitu, varian KT dan KTD menunjukkannya berada dalam fasa transisi apabila terdapat kata kognat yang bercirikan bunyi MP \*r dan DMKLP \*ɣ. Antara ciri terpenting berkaitan dengan fasa transisi ini adalah apabila varian KT dan KTD masing-masing menggugurkan MP \*r pada posisi akhir. Dalam kes MP \*r, kajian menyimpulkan KT dan KTD sedang berada dalam proses inovasi daripada MP \*r kepada varian turunannya, DMKLP \*ɣ.

Kewujudan \*h pada posisi awal kata adalah mustahil dalam DMKLP tetapi tidak bagi varian KTA dan KSR. KTA dan KSR memiliki persamaan yang sangat ketara dari segi pengejalan bunyi MP \*h pada posisi tersebut. Hal ini sekali gus menunjukkan terdapat unsur MP yang tidak dilupakan secara total dalam DMKLP. Secara keseluruhannya, DMKLP tidak mengalami inovasi yang kritikal kerana ciri Malayik Purba masih banyak terdapat dalam varian tersebut.

Usai membincangkan tentang bukti rekonstruksi MP-DMKLP, kini penulisan akan memfokuskan bandingan terdekatnya, yakni Linggi dan dialek Negeri Sembilan. Hakikatnya, terdapat beberapa ciri varian Kuala Linggi (VKL) yang bertentangan dengan ciri dialek Negeri Sembilan. Dialek Negeri Sembilan sebagai contohnya

menggugurkan akhiran /l/, manakala dalam subdialek Jelevu, akhiran /-l/ direpresentasi sebagai bunyi /-j/ seperti [timbo] dan [timboj] bagi glos “timbul” (Asmah, 2015b: 358). Paling jelas ialah contoh glos “bakul”, subdialek Kuala Pilah menggugurkan /-l/ menjadi [bako], manakala subdialek Jelevu dalam bentuk [bakoj] sedangkan dalam masa yang sama, VKL mengekalkan secara total /-l/ bagi item [bakol]. Rangkap [+plosif] V [-tidak bersuara, +plosif] V (K)# seperti glos “ketul”, “pukul” dan “betul” antara contoh lain yang menyebabkan konsonan [+lateral] digugurkan secara total dan sememangnya fenomena itu sangat berbeza dengan VKL.

Perkara ini tidak terhenti sekadar akhiran /-l/. Pertentangan ciri ini juga boleh dilihat dalam realisasi /-ə-/ pada kedudukan tengah suku kata pertama. Sebagai contoh, glos “kerbau” dan “keris” dalam varian Kuala Pilah direalisasikan sebagai [ɔ], manakala dalam contoh VKL, banyak contoh yang mengekalkan /-ə-/ seperti dalam bunyi bagi [bəyənəŋ] dan DMKLP \*bətis. Perbezaan realisasi fonologi ini sedikit sebanyak memberikan garis sempadan yang nyata antara Kuala Linggi dengan dialek Negeri Sembilan. Jadi, pertama, tanggapan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa Melaka Barat menyerap ciri dialek Negeri Sembilan adalah sesuatu yang perlu dinilai semula. Hal ini demikian kerana VKL banyak berselisih dengan varian Negeri Sembilan dari sudut fonologi. Kedua, hal ini sekali gus menjadikan varian Linggi sebagai satu hub transisi yang dikatakan oleh Ismail memiliki ciri fonologi yang bercampur-baur dan sukar untuk dikelaskan dalam varian Negeri Sembilan. Hipotesis hub transisi ini diperkuat berdasarkan dapatan Kuala Linggi sebagai varian yang condong kepada dialek Melaka-Johor-Riau.

Kajian ini masih jauh lagi untuk menyimpulkan satu penemuan yang utuh kerana terdapat aspek diftong dan vokal yang tidak sempat untuk dibincangkan. Aspek diftong ini adalah yang paling mustahak kerana aspek ini merupakan bukti akhir yang dapat menentukan kedudukan Kuala Linggi sebagai sempadan yang memisahkan antara ciri Negeri Sembilan dan ciri Melaka-Johor-Riau. Untuk kajian lanjutan, satu bentuk penelitian yang mengkhususkan bentuk-bentuk vokal purba dan diftong VKL diharapkan dapat dilaksanakan untuk melengkapkan kajian rekonstruksi di kawasan ini.

## KESIMPULAN

Kajian ini merekonstruksi fonem konsonan purba Dialek Melayu Kuala Linggi dengan mengambil kira lapan buah kawasan untuk proses pendokumentasian fenomena dialek. Kajian ini memanfaatkan teori linguistik sejarawi strukturalisme yang dipelopori oleh ahli linguistik Essex. Hasil rekonstruksi menyimpulkan bahawa bentuk purba DMKL mempunyai fonem purba seperti \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*m, \*n, \*ŋ, \*ŋ, \*s, \*ʎ, \*h, \*tʃ, \*dʒ, \*l, \*w, \*j.

Kajian ingin menyimpulkan bahawa VKL ini langsung terpisah dengan ciri Linggi. Meskipun ciri Linggi sendiri juga telah menunjukkan pertentangan dengan varian Negeri-Sembilan-Kuala Lipis, tetapi, dengan adanya dapatan kini langsung memisahkan Kuala Linggi dengan apa-apa yang berkaitan dengan ciri dialek Minang tersebut. Hal ini menjadikan Kuala Linggi dan beberapa lokasi kajian di Negeri Sembilan termaktub di bawah cabang Melaka-Johor. Namun begitu, kajian ini jauh daripada tamat, dan sesungguhnya lebih mantap lagi sekiranya kajian lanjutan dapat memenuhi keperluan akhir bidang ini, iaitu dengan melaksanakan kajian vokal dan diftong bagi varian ini.

## PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. (1997). *Lembangan sungai dalam sejarah dan budaya Melayu*. Dlm. N. Abdul Rahman (Ed.), *Pembangunan seni dan sastera* (pp. 56–62). Jabatan Persuratan Melayu.
- Abdul Halim Nasir. (2005). *Lembangan sungai dalam peradaban Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto-Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistics.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1983). *Kaedah penyelidikan sosioekonomi: Suatu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2009). Dialek Melayu Pahang: Tinjauan di Sungai Jelai. *Jurnal Persatuan Linguistik*, 9, 61–76.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (Edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaian ciri fonologi dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1999). Mengumpul data: Kaedah penyelidikan lapangan huluan dengan tumpuan kepada pengumpulan kata. *Dewan Bahasa*, 43(8), 674–680.
- Asmah Haji Omar. (2015a). *Susur galur bahasa Melayu* (Edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015b). *Susur galur bahasa Melayu* (Edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. (1979). *Dialektologi: Sebuah pengantar*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Begbie, P. J. (1834). *The Malayan Peninsula: Embracing the history, manners and customs of the inhabitants, politics, natural history of &c. from it's earlier records*. Vepery Mission Press.

- Blust, R. (2000). Why lexicostatistics doesn't work: The 'universal constant' hypothesis and the Austronesian languages. In C. Renfrew, A. McMahon, & L. Trask (Eds.), *Time depth in Historical Linguistics* (Vol. 2, pp. 311–331). The McDonald Institute for Archaeological Research, 2000.
- Campbell, L. (2013). *Historical linguistics: An introduction* (3rd ed.). Edinburgh University Press.
- Collins, J. T. (1983). Dialek Pahang: Rangka pengenalan (Bahagian Pertama). *Jurnal Dewan Bahasa*, 27, 7–29.
- Collins, J. T. (1985a). Dialek Melayu di Kampung Landai, Pahang: Menuju penelitian tatabahasa Melayu di kalangan orang asli. *Dewan Bahasa*, 29(7), 476–493.
- Collins, J. T. (1985b). Fonologi dalek Melayu Tioman dan rekonstruksi bahasa Melayu induk. *Dewan Bahasa*, 29(5), 369–383.
- Collins, J. T. (1989). Malay dialect research in Malaysia: The issue of perspective. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde*, 145(no 2/3), 235–264. <http://www.jstor.org/stable/27864031>
- Collins, J. T. (1999). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T. (1997). *An introduction to historical linguistics* (3rd ed.). Oxford University Press.
- Crowley, T., & Bowern, C. (2010). *An introduction to historical linguistics* (4th ed.). Oxford University Press.
- Crystal, D. (2008). *A dictionary of linguistics and phonetics* (6th ed.). Blackwell Publishing.
- Geisler, H., & List, J.-M. (2009). Beautiful trees on unstable ground: Notes on the data problem in lexicostatistics. *Arbeitstagung Der Indogermanischen Gesellschaft 2009: Die Ausbreitung Des Indogermanischen. Thesen Aus Sprachwissenschaft, Archäologie Und Genetik*, 1–12. [www.uni-ulm.de](http://www.uni-ulm.de)
- Hoijer, H. (1956). Lexicostatistics: A critique. *Language*, 32(1), 49. <https://doi.org/10.2307/410652>
- Idris Aman, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Norsimah Mat Awal. (2015). *Dialek Negeri Sembilan: Sikap kefahaman dan jati diri*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hussein. (1973). Malay dialect in the Malay Peninsula. *Jurnal Nusantara*, 3, 69–79.
- Kondrak, G. (2009). Identification of cognates and recurrent sound correspondence in word lists. *Traitement Automatique Des Langues*, 50(2), 201–235.
- Linn, M. D. (1983). Informant selection in dialectology. *American Speech*, 58(3), 225–243. <https://doi.org/10.2307/455229>
- Lister, M. (1887). The Nēgri Sēmbilan: Their origin and constitution. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 19, 35–53.
- McCarthy, J. J. (2007). What is optimality theory? *Language and Linguistics Compass*, 1(4), 260–291. <https://doi.org/10.1111/j.1749-818x.2007.00018.x>
- Mohd Pilus. (1978). Dialek Negeri Sembilan dan dialek umum bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 8, 586–597.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A H. (2011). Rekonstruksi dalaman dialek Hulu Pahang Purba ( Dhpp ). *Jurnal Linguistik*, 14, 1–18.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2014). *Fosil dialek Melayu Hulu Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A. Hamid, & Rahim Aman. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(3), 211–222.
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2021). *Genetik purba dialek Melayu: Di lembangan tengah Sungai Pahang [Ancient genetics of Malay Dialects: In the central basin of the Pahang River]*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim, & Ton Ibrahim. (1977). *Penyelidikan bahasa di Ulu Tembeling*. Jabatan Pengajian Melayu.
- Norhalim Ibrahim. (1998). *Sejarah Linggi: Pintu gerbang sejarah pembangunan Negeri Sembilan*. Fajar Bakti.
- Nurliyana Zainal Abidin, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2016). Perbandingan inventori vokal dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(2), 73–81. <http://journalarticle.ukm.my/>
- Nursuhada Saufi, Ummielmassyuria Zulkipli, Nurul Zafirah Amran, Amirah Ayuni Muslim, & Farah Nur Amira Hasmah. (2017). Peralihan vokal /i/, /o/ dan /a/ dalam dialek Melaka. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(Isu istimewa 2), 92–103.
- Radford, A. (1988). *Transformational grammar: A first course Cambridge textbooks in linguistics*. Cambridge University Press.
- Rahim Aman. (1997). Keesahan leksikostatistik menangani isu perbandingan bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(2), 170–174.
- Mohammad Raza, Zakaria, Mohamad Pauzi Zakaria, & Nor Rasidah Hashim. (2011). Spatial and temporal variation of organic carbon in mangrove sediment of Rembau-Linggi Estuary, Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 14(Exploring Pathways to Sustainable Living in Malaysia: Solving the Current Environmental Issues), 48–54.
- Reniwati. (2012). Bahasa Minangkabau dan dialek Negeri Sembilan: Satu tinjauan perbandingan linguistik historis komparatif. *Jurnal Ilmu Sosial Dan Humaniora*, 3(1), 71–86.
- Samsul Rijal, Y. (2006). Persepsi sosiobudaya masyarakat Bugis-Makasar. Dlm. Asmah Haji Omar (Ed.), *Sama Serumpun* (pp. 141–152). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Teoh, B. S. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The International Phonetic Association. (1999). *Handbook of the International Phonetic Association: A guide to the use of the international phonetic alphabet*. Cambridge University Press.
- Wilkinson, R. J. (1921). Sungai Ujong. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 83, 123–141.
- Zaharah Mahmud. (1970). The period and the nature of “traditional” settlement in the Malay Peninsula. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43(2), 81–113.
- Zainal Abidin Ahmad. (1925). The origin of some Malay place-names. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 3(1), 79–82.